

TATAKELAKUAN PEMBEKAL DHL GROUP

Kumpulan Syarikat DHL Group adalah sebuah syarikat logistik yang terkemuka di dunia. Kumpulan Syarikat ini menghubungkan pelanggan dan pasaran dan merupakan salah satu penggerak terhadap perdagangan global. Kumpulan Syarikat ini berhasrat untuk menjadi pilihan pertama bagi para pelanggan, pekerja dan pelabur di seluruh dunia. DHL Group merupakan pemilik kepada dua jenama yang kukuh: DHL menawarkan rangkaian perkhidmatan pembungkusan dan ekspres antarabangsa, pengangkutan barang dan perkhidmatan pengurusan rantaian bekalan, serta penyelesaian logistik e-dagang. Deutsche Post adalah penyedia perkhidmatan pos dan pembungkusan terkemuka di Eropah. Kumpulan Syarikat ini memberi sumbangan kepada dunia dengan mengambil tindakan untuk meminimumkan jejak alam persekitarannya, untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat, inklusif dan menarik, untuk menyokong komuniti di kawasan ia beroperasi, dan mengikuti amalan perniagaan yang dipercayai, telus dan mematuhi undang-undang.

Kami menyedari sepenuhnya tanggungjawab kami kerana dengan aktiviti kami, kami telah menetapkan suatu standard etika yang ketat bagi membimbing kami dalam amalan perniagaan kami.

Kami mengharapkan semua pembekal kami, termasuk sub-kontraktor, iaitu semua syarikat yang menjalankan urusan perniagaan dengan mana-mana syarikat atau bahagian dalam DHL Group, supaya mematuhi standard etika yang sama. Untuk tujuan ini, DHL Group telah mengeluarkan Tatakelakuan Pembekal (SCoC – Supplier Code of Conduct) ini, yang menetapkan standard minimum bagi menjalankan urusan perniagaan dengan mana-mana kumpulan syarikat atau Unit Perniagaan.

DHL Group Supplier Code of Conduct

DHL Group is the world's leading logistics company. The Group connects people and markets and is an enabler of global trade. It aspires to be the first choice for customers, employees and investors worldwide. DHL Group is home to two strong brands: DHL offers a comprehensive range of parcel and international express service, freight transport, and supply chain management services, as well as e-commerce logistics solutions. Deutsche Post is Europe's leading postal and parcel service provider. The Group contributes to the world by taking action to minimize its environmental footprint, to provide a safe, inclusive and engaging working environment, to support the communities it operates in, and to follow trusted, transparent and compliant business practices.

We are fully aware of our responsibilities because of our activities thus, we have given ourselves a strict set of ethical standards to guide us in our business practices.

We expect all of our suppliers, including subcontractors, i.e. all companies who do business with any company or division of DHL Group, to adhere to the same ethical standards. For this purpose, DHL Group has produced this Supplier Code of Conduct (SCoC), which sets the minimum standards for doing business with any Group company or Business Unit.



UNDANG-UNDANG DAN STANDARD ETIKA

Pembekal hendaklah mematuhi semua undang-undang yang terpakai kepada perniagaan mereka. Pembekal hendaklah menyokong prinsip Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Deklarasi Universal Hak Asasi Manusia PBB, Prinsip Perniagaan dan Hak Asasi Manusia PBB, Garis Panduan OECD bagi Syarikat-syarikat Multinasional serta Deklarasi Organisasi Pekerjaan Antarabangsa 1998 tentang Prinsip-prinsip Asas dan Hak di Tempat Kerja, selaras dengan undang-undang dan amalan negara. Ini terutamanya terpakai kepada:

LAWS AND ETHICAL STANDARDS



The supplier shall comply with all laws applicable to its business. The supplier shall support the principles of the United Nations Global Compact, the UN Universal Declaration of Human Rights, the UN Principles on Business and Human Rights, the OECD Guidelines for Multinational Enterprises as well as the 1998 International Labor Organization Declaration on Fundamental Principles and Rights at Work, in accordance with national laws and practice. This especially applies to:

HAK ASASI MANUSIA DAN AMALAN PEKERJAAN YANG ADIL



BURUH KANAK-KANAK



Pembekal tidak akan mengambil perkerja kanak-kanak di bawah umur layak bekerja dalam mana-mana negara atau bidang kuasa tempatan. Pembekal hendaklah mengenakan syarat minimum umur bekerja iaitu 15 tahun, walaupun undang-undang setempat membenarkan kanak-kanak yang lebih muda untuk bekerja. Pekerja-pekerja di bawah umur 18 tahun hendaklah hanya menjalankan pekerjaan mengikut keperluan perundangan negara tempat mereka bekerja (cth. berkaitan dengan waktu bekerja dan keadaan kerja) dan tertakluk kepada sebarang keperluan berkaitan pendidikan dan latihan.



HUMAN RIGHTS AND FAIR LABOR PRACTICES



CHILD LABOR

The supplier shall not employ children under the legal age of employment in any country or local jurisdiction. The supplier shall apply a minimum working age of 15 years, even where local legislation permits younger children to be employed. Workers under the age of 18 shall only perform work in accordance with legal requirements of their country of employment (e.g. with regards to working time and working conditions) and subject to any requirement regarding education or training.



BURUH PAKSA

Pembekal tidak boleh menggunakan sebarang bentuk paksaan, ikatan, kerja wajib atau bentuk perhambaan moden. Semua kerja mesti dilakukan secara sukarela. Pekerja-pekerja mesti dibenarkan mengekalkan kawalan ke atas dokumen pengenalan mereka (cth. passport, permit kerja atau sebarang dokumen perundangan peribadi yang lain). Pembekal hendaklah memastikan bahawa pekerja-pekerja tidak membayar yuran atau membuat sebarang bayaran berkenaan mendapatkan pekerjaan sepanjang proses pengambilan kerja dan tempoh pekerjaan. Pembekal hendaklah bertanggungjawab ke atas bayaran semua yuran dan perbelanjaan (cth. lesen dan levi) berkaitan dengan pekerja, seperti yang dikehendaki oleh undang-undang.

Hukuman, paksaan mental dan/atau fizikal serta sebarang bentuk pemerdagangan manusia adalah dilarang. Dasar dan prosedur disiplin hendaklah diterangkan dengan jelas dan disampaikan kepada para pekerja.



FORCED LABOR

The supplier shall not use any form of forced, bonded, compulsory labor or modern forms of slavery. All labor must be voluntary. Workers must be allowed to maintain control over their identification documents (e.g. passports, work permits or any other personal legal documents). The supplier shall ensure that workers do not pay fees or make any payment connected to obtaining employment throughout the hiring process and the employment period. The supplier shall be responsible for payment of all fees and expenses (e.g. licenses and levies) relating to workers, where legally required.

Punishment, mental and/or physical coercion as well as any other form of human trafficking are prohibited. Disciplinary policies and procedures shall be clearly defined and communicated to the workers.



PAMPASAN DAN WAKTU BEKERJA

Pembekal hendaklah mematuhi semua undang-undang dan standard industri mandatori tempatan yang terpakai berkaitan waktu bekerja, termasuk kerja lebih masa, waktu rehat dan cuti berbayar.

Pembekal hendaklah membayar pekerja-pekerjanya mengikut undang-undang gaji minimum tempatan dan syarat perjanjian tawar-menawar kolektif yang dikenakan serta standard industri. Pembekal hendaklah membayar pekerja-pekerja tepat pada masanya dan menyampaikan dengan jelas dasar pembayaran yang mereka terima (cth. menerima dokumen pekerjaan dalam bahasa yang mereka fahami). Pemotongan gaji sebagai langkah disiplin tidak dibenarkan, sekiranya tidak dibenarkan oleh undang-undang.



COMPENSATION AND WORKING HOURS

The supplier shall comply with all applicable local laws and mandatory industry standards regarding working hours, including overtime, rest breaks and paid vacation.

The supplier shall compensate its workers in accordance with local minimum wage legislation and terms of applicable collective bargaining agreements as well as with industry standards. The supplier shall pay workers in a timely manner and clearly convey the basis on which workers are being paid (i.e. receive employment documents in a language they understand). Deductions from wages as a disciplinary measure shall not be allowed, if not legally permitted.



KEBEBASAN BERPERSATUAN DAN TAWAR-MENAWAR KOLEKTIF

Para pekerja pembekal mesti bebas untuk menyertai atau tidak menyertai wakil kesatuan/pekerja yang mereka pilih, bebas daripada ancaman atau ugutan. Pembekal mengakui dan menghormati hak terhadap tawar-menawar kolektif mengikut undang-undang tempatan yang terpakai.



FREEDOM OF ASSOCIATION AND COLLECTIVE BARGAINING

The employees of the supplier must be free to join or not to join a union/employee representation of their choice, free from threat or intimidation. The supplier recognizes and respects the right to collective bargaining in accordance with applicable local laws.



KEPELBAGAIAN DAN PERANGKUMAN

Pembekal hendaklah menggalakkan persekitaran kerja terangkum yang menghargai kepelbagaian para pekerjanya.

Pembekal hendaklah komited dalam memberi peluang sama rata dan tidak mendiskriminasi atau bertolak ansur terhadap diskriminasi atau gangguan melibatkan jantina, etnik dan negara asal, kaum, warna kulit, agama, umur, ketidakupayaan, orientasi dan identiti seksual, atau sebarang ciri-ciri lain yang dilindungi oleh undang-undang.



DIVERSITY AND INCLUSION

The supplier shall promote an inclusive work environment that values the diversity of its employees.

The supplier shall be committed to equal opportunities and not discriminate or tolerate discrimination or harassment with respect to gender, ethnic and national origin, race, color, religion, age, disability, sexual orientation and identity, or any other characteristic protected by law.

KESIHATAN DAN KESELAMATAN



Kami mengharapkan pembekal-pembekal kami supaya berusaha untuk melaksanakan standard kesihatan dan keselamatan kerja pada tahap yang tinggi dengan melaksanakan pendekatan pengurusan kesihatan dan keselamatan yang sesuai untuk perniagaan.

Pembekal hendaklah mematuhi peraturan-peraturan kesihatan dan keselamatan pekerjaan dan menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sesuai untuk kesihatan yang baik seperti air minuman, demi menjaga keselamatan dan kesihatan para pekerja, melindungi pihak ketiga dan mengelakkan kemalangan, kecederaan dan penyakit-penyakit berkaitan kerja. Ini termasuk penilaian risiko tempat kerja secara berkala dan pelaksanaan pengawalan bahaya dan langkah-langkah pencegahan yang mencukupi, termasuk peruntukan Peralatan Perlindungan Diri (PPE – Personal Protective Equipment) yang sesuai. Para pekerja mesti dididik dan dilatih secukupnya dalam isu-isu kesihatan dan keselamatan dalam bahasa yang mereka fahami.

HEALTH & SAFETY



We expect our suppliers to strive to implement the standards of occupational health and safety at a high level by applying a health and safety management approach appropriate for the business.

The supplier shall comply with applicable occupational health and safety regulations and provide a work environment that is safe and conducive to good health e.g. drinking water, in order to preserve the safety and health of employees, safeguard third parties and prevent accidents, injuries and work-related illnesses. This includes regular workplace risk assessments and the implementation of adequate hazard control and precautionary measures, including the provision of appropriate Personal Protective Equipment (PPE). Employees are to be adequately educated and trained in health and safety issues in a language they understand.

PERLINDUNGAN DATA, KESELAMATAN MAKLUMAT DAN PENDEDAHAN MAKLUMAT



Pembekal hendaklah mematuhi undang-undang perlindungan data yang terpakai, termasuk keselamatan data peribadi, serta peraturan yang berkenaan, cth. GDPR, terutamanya berkaitan data peribadi pelanggan, pengguna, pekerja dan pemegang saham. Pembekal hendaklah mematuhi semua keperluan tersebut apabila data peribadi dikumpulkan, direkodkan, dihoskan, diproses, disalurkan, digunakan atau dipadamkan.

Keperluan keselamatan maklumat yang terpakai kepada pembekal-pembekal berkaitan sebarang data yang diamanahkan untuk kawalan mereka semasa dan selepas penglibatan mereka dengan DHL Group adalah berdasarkan standard antarabangsa, seperti Tatakelakuan bagi Pengurusan Keselamatan Maklumat. Pembekal-pembekal mesti mengambil kira keperluan untuk melindungi kesulitan, integriti dan ketersediaan maklumat. Pada setiap masa tahap keselamatan dan kawalan maklumat yang perlu dipastikan oleh pembekal-pembekal mestilah setimpal dengan sensitiviti, nilai dan kepentingan maklumat yang diproses sepanjang kitaran hidup maklumat tersebut.

Pembekal hendaklah melindungi dan menggunakan maklumat sulit hanya apabila sesuai sahaja. Pembekal hendaklah mematuhi sebarang keperluan kontrak berkenaan perlindungan data keselamatan maklumat dan tidak mendedahkan sebarang maklumat yang tidak diketahui oleh masyarakat umum.

DATA PROTECTION, INFORMATION SECURITY, AND DISCLOSURE OF INFORMATION



The supplier shall adhere to applicable data protection laws, including security of personal data, as well as to respective regulation, e.g. GDPR, in particular with regard to personal data of customers, consumers, employees and shareholders. The supplier shall comply with all said requirements when personal data is collected, recorded, hosted, processed, transmitted, used or erased.

The information security requirements applicable to suppliers with regards to any data entrusted to their control during and after their engagement with DHL Group are based on international standards, such as the Code of Practice for Information Security Management. Suppliers should take account of the need to protect the confidentiality, integrity and availability of information. At all times the required level of information security and control to be ensured by suppliers

must be commensurate with the sensitivity, value and criticality of the information being processed throughout the lifecycle of the information.

The supplier shall safeguard and make only appropriate use of confidential information. The supplier shall comply with any contractual requirements on data protection and information security and shall not disclose any information that is not known to the general public.



SOGOKAN DAN RASUAH

Pembekal hendaklah mematuhi semua undang-undang dan peraturan anti rasuah yang terpakai di peringkat negara dan antarabangsa. Pembekal tidak sepatutnya (sama ada secara langsung atau tidak langsung) menawarkan, menyediakan atau menerima apa-apa yang mempunyai nilai untuk mempengaruhi secara tidak wajar satu tindakan rasmi atau untuk mendapatkan kelebihan yang tidak wajar demi memperoleh atau mengekalkan urusan perniagaan. Ini termasuk apa yang disebut sebagai bayaran pemudahan atau manfaat lain yang diberikan kepada penjawat awam bagi tindakan yang tidak mengikut budi bicara biasa.



BRIBERY AND CORRUPTION

The supplier shall comply with all applicable national and international anti-corruption laws and regulations. The supplier shall not (neither directly nor indirectly) offer, provide or accept anything of value to improperly influence an official act or to secure an improper advantage in order to obtain or retain business. This includes so-called facilitation payments or other benefits provided to public officials for routine non-discretionary actions.



PERATURAN PERDAGANGAN

Pembekal hendaklah mematuhi semua kawalan eksport, sekatan dan undang-undang dan peraturan kastam yang terpakai, termasuk Larangan & Sekatan ("Undang-undang Perdagangan"). Pembekal secara khusus memastikan bahawa pembekal, pemilik(-pemilik) bermanfaat, semua ejennya dan subkontraktor-subkontraktor lain yang digunakan oleh pembekal tidak tersenarai dalam sebarang senarai sekatan Pihak Dinafikan yang terpakai.



TRADE REGULATION

The supplier shall comply with all applicable export control, sanctions and customs laws and regulations, including Prohibitions & Restrictions ("Trade Laws"). The supplier in particular ensures that the supplier, its beneficial owner(s), all its agents and any other subcontractors used by the supplier are not listed on any applicable Denied Party sanctions lists.



PENGUBAHAN WANG HARAM & REKOD KEWANGAN

Pembekal hendaklah mematuhi undang-undang dan peraturan terpakai yang direka untuk memerangi aktiviti pengubahan wang haram. Pembekal hendaklah mengekalkan rekod dan laporan kewangan mengikut undang-undang dan peraturan yang terpakai.



MONEY LAUNDERING & FINANCIAL RECORDS

The supplier shall comply with applicable laws and regulations designed to combat money laundering activities. The supplier shall maintain financial records and reports according to applicable laws and regulations.



PERSAINGAN BEBAS

Pembekal hendaklah mematuhi undang-undang persaingan dan anti monopoli yang terpakai.



FREE COMPETITION

The supplier shall comply with applicable competition and anti-trust laws.



KONFLIK KEPENTINGAN

Konflik kepentingan adalah sebarang kepentingan peribadi atau kewangan, perniagaan atau aktiviti peribadi atau perhubungan, sebelum atau semasa tempoh bekerja, atau sebarang kewajipan yang mungkin mengganggu keupayaan untuk menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab secara objektif atau merosakkan kebebasan dan objektiviti. Situasi konflik kepentingan seperti itu termasuklah hubungan kritikal seperti hubungan darah atau perkahwinan, rakan niaga, penyertaan atau pelaburan dalam perniagaan rakan kongsi atau pesaing-pesaing. Pembekal hendaklah segera mendedahkan sebarang konflik kepentingan sebenar atau yang berpotensi menjadi konflik yang berkait dengan aktiviti-aktivitinya dengan DHL Group.



CONFLICTS OF INTEREST

A conflict of interest is any personal or financial interest, any business or personal activity or relationship, prior or current employment, or any obligation that may interfere with the ability to objectively perform job duties and responsibilities or impair independence and objectivity. Such conflict of interest situations include critical relationships such as a relationship by blood or marriage, partnership, participation or an investment in business partners or competitors. The supplier shall immediately disclose any actual or potential conflict of interest related to its activities with DHL Group.



ALAM SEKITAR

Pembekal hendaklah mematuhi semua undang-undang alam sekitar, peraturan dan standard yang terpakai serta pelaksanaan sistem yang berkesan untuk mengenal pasti dan menghapuskan potensi bahaya terhadap alam sekitar. Kami mengharapkan agar para pembekal kami berusaha untuk menyokong komitmen DHL Group dalam melindungi alam sekitar dan iklim melalui produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang mereka sediakan, yang seharusnya dilakukan dengan berkesan dengan mengambil kira kesan terhadap alam sekitar.

DHL Group juga mengharapkan agar pembekal-pembekal kami melaporkan data yang relevan berkenaan perlindungan alam sekitar dan iklim apabila diminta.

Kami mengharapkan supaya pembekal-pembekal kami mengambil kira perlindungan yang sesuai terhadap alam sekitar dan iklim dalam operasi mereka sendiri, contohnya dengan menetapkan sasaran perlindungan iklim bagi mereka sendiri dan mencapainya.



ENVIRONMENT

The supplier shall comply with all applicable environmental laws, regulations and standards as well as implement an effective system to identify and eliminate potential hazards to the environment.

We expect our suppliers to strive to support DHL Group's environmental and climate protection commitments through the products and services they deliver, which should be done efficiently by taking the environmental impact into consideration.

DHL Group also expects its suppliers to report relevant data on environmental and climate protection upon request.

We expect our suppliers to take environmental and climate protection appropriately into account in their own operations, for example, by setting climate protection goals for themselves and achieving them.

KONFLIK GALIAN



Pembekal hendaklah mematuhi semua undang-undang yang terpakai dan kewajipan-kewajipan usaha wajar berkenaan perolehan sumber galian dan bahan-bahan dari wilayah yang terkesan dengan konflik dan kawasan-kawasan berisiko tinggi, yang mungkin menyumbang kepada pelanggaran hak asasi manusia, rasuah, penajaan kumpulan-kumpulan bersenjata atau kesan-kesan negatif yang serupa.

CONFLICT MINERALS



The supplier shall comply with all applicable laws and resulting due diligence obligations with respect to the sourcing of minerals and materials from conflict affected regions and high-risk areas, which may contribute to human rights abuses, corruption, the financing of armed groups or similar negative effects.

BANTUAN MASYARAKAT



DHL Group menggalakkan pembekal-pembekal supaya menyumbang kepada komuniti-komuniti setempat mereka dan terlibat dalam inisiatif-inisiatif dan aktiviti-aktiviti yang menggambarkan Matlamat Pembangunan Mampan PBB.

COMMUNITY OUTREACH



DHL Group encourages suppliers to give back to their local communities and engage in initiatives and activities that reflect the UN Sustainable Development Goals.

RANCANGAN KESINAMBUNGAN PERNIAGAAN



Pembekal hendaklah bersedia untuk menghadapi sebarang gangguan terhadap perniagaannya (cth. bencana alam, keganasan, gangguan rantai bekalan, wabak penyakit berjangkit – epidemik atau pandemik, isu keselamatan maklumat, serangan siber). Persiapan ini termasuk pelan kesinambungan perniagaan yang melindungi para pekerja dan juga alam sekitar daripada kemungkinan kesan gangguan serius yang mungkin timbul dalam lingkungan domain operasi.

BUSINESS CONTINUITY PLANNING



The supplier shall be prepared for any disruptions of its business (e.g. natural disasters, terrorism, supply chain disruptions, communicable disease outbreaks – epidemics or pandemics, information security issues, cyber-attacks). This preparedness includes business continuity plans that protect both employees as well as the environment from the effects of possible serious disruptions that may arise within the domain of operations.

DIALOG RAKAN PERNIAGAAN



Pembekal hendaklah melaksanakan standard yang setara cth. standard etika, dengan yang dibentangkan dalam SCoC ini untuk pembekal-pembekal mereka sendiri, sebagai sebahagian daripada pemenuhan kewajipan-kewajipan kontrak mereka.

BUSINESS PARTNER DIALOGUE



The supplier shall implement equivalent standards e.g. ethical standards, to the ones laid out in this SCoC for their own suppliers, as part of fulfilling their contractual obligations.



HORMAT DAN KEWAJIPAN BERJAGA-JAGA

Semua pembekal dikehendaki bertindak dan berinteraksi secara hormat dan suci hati dengan pekerja-pekerja DHL Group.

Pembekal mestilah berhati-hati dalam penggunaan barangan dan peralatan yang diamanahkan kepada mereka, seolah-olah barangan itu milik mereka sendiri.

Apabila menggunakan barangan atau bahan-bahan yang mempunyai tanda dagangan atau jenama DHL Group, semua pembekal hendaklah lebih cermat memandangkan sebarang tindakan atau aktiviti mereka boleh dikaitkan dengan DHL Group. Sebarang penggunaan bahan-bahan atau peralatan dengan jenama atau tanda dagangan tanpa izin mesti dielakkan. Ini dianggap sebagai penyalahgunaan bahan-bahan dan peralatan yang bertanda dagang atau berjenama DHL Group walaupun kesalahan tersebut dapat disimpulkan dari penampilannya.



RESPECT AND DUTY OF CARE

All Suppliers are required to act and interact with respect and in good faith with employees of DHL Group.

Suppliers are to exercise due care in the use of property and equipment entrusted to them, as if the property is their own.

When using property or materials that carry a DHL Group trademark or brand, all suppliers shall exercise particular care as any of their actions or activities may be associated with DHL Group. Any unauthorized use of branded or trademarked materials or equipment is to be avoided. It is considered a misuse of DHL Group branded or trademarked materials and equipment if even an appearance of impropriety can be inferred.



PEMATUHAN TATAKELAKUAN PEMBEKAL

DHL Group berhak memeriksa pematuhan terhadap keperluan SCoC ini, contohnya melalui penilaian sendiri dan audit sama ada oleh DHL Group atau pihak ketiga. Pembekal hendaklah berusaha untuk terus menambahbaik, seperti menetapkan sasaran yang boleh diukur terhadap alam sekitar, keadaan kerja atau kepelbagaian, dan pelaporan kemajuan bagi kelestarian. Sekiranya pelanggaran dikenal pasti, pembekal hendaklah membuat laporan insiden dan membentangkan pelan tindakan pembetulan.

Terma dan syarat yang dibentangkan dalam Tatakelakuan Pembekal ini menggambarkan nilai-nilai dan komitmen DHL Group terhadap pelanggan-pelanggan, komuniti-komuniti yang kami berkhidmat dan perlindungan alam sekitar. Oleh itu, sebarang pelanggaran terma dan syarat ini mesti diperbetulkan. Tanpa prejudis terhadap sebarang pemuliharaan kontrak lain yang DHL Group mungkin berhak, sebarang kegagalan untuk memperbetulkan pelanggaran tersebut serta-merta akan menyebabkan DHL Group mempertimbangkan untuk menamatkan hubungan perniagaan ini.



COMPLIANCE WITH THE SUPPLIER CODE OF CONDUCT

DHL Group reserves the right to check compliance with the requirements of this SCoC, for example through self-assessments and audits either by DHL Group or a third party. The supplier shall strive for continuous improvement, such as setting measurable targets on the environment, working conditions or diversity, and reporting on progress for sustainability. In case a breach is identified, the supplier shall create an incident report and present a corrective action plan.

The terms and conditions set forth in this Supplier Code of Conduct reflect DHL Group's values and commitment to its customers, the communities which we serve and the protection of the environment. Therefore, any breach of these terms and conditions must be cured. Without prejudice to any other contractual remedies DHL Group may be entitled to, any failure to cure such a breach immediately will cause DHL Group to consider ending the commercial relationship.

MELAPORKAN KESILAPAN



Sekiranya anda ingin melaporkan kecurigaan terhadap pelanggaran undang-undang, atau sebarang pelanggaran SCoC ini, anda boleh menghubungi Pengurusan Pematuhan DHL Group melalui <https://www.dpdhl.com/en/about-us/code-of-conduct/compliance-management/compliance-contact.htm>

REPORTING IRREGULARITIES



In case you wish to report suspected breaches of law, or any violation of this SCoC, you can contact the Compliance Management of DHL Group via <https://www.dpdhl.com/en/about-us/code-of-conduct/compliance-management/compliance-contact.htm>

PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN



Pembekal hendaklah rasa terdorong untuk mendekati DHL Group secara proaktif untuk mengemukakan idea-idea yang menyumbang lagi kepada penambahbaikan terhadap sosial, ekonomi atau alam sekitar. DHL Group menghargai pertukaran idea-idea baharu yang terbuka dan bersedia untuk menerokai peluang-peluang baharu bersama-sama dengan pembekal-pembekal.

CONTINUOUS IMPROVEMENT



The supplier shall feel encouraged to proactively approach DHL Group with innovative ideas which contribute to further social, economic or environmental improvement. DHL Group values the open exchange of new ideas and is willing to explore new opportunities jointly with suppliers.